



KEMENTERIAN KESIHATAN  
MALAYSIA



# SOALAN LAZIM PROSEDUR PENGURUSAN PENGEMBARA DARI LUAR NEGARA

BERMULA 12 OGOS 2021 — — — — —



## 1. Apa yang perlu dilakukan oleh pengembara sebelum berlepas ke Malaysia?

- i. Permohonan untuk masuk ke Malaysia boleh dipohon secara atas talian melalui ***MYTravelPass***.
- ii. Permohonan yang lengkap dengan dokumen sokongan yang diperlukan akan diproses oleh Jabatan Imigresen Malaysia dalam masa **lima (5) hari bekerja**.
- iii. Pembayaran ujian saringan COVID-19 dan bayaran kuarantin untuk pengembara yang masuk ke Malaysia perlu dibuat di pautan : <https://safetravel.myeg.com.my>
- iv. Setelah selesai pembayaran, pengembara akan diberikan kod QR yang digunakan oleh Kerajaan Malaysia untuk pengesahan kemasukan.
- v. Pengembara perlu menjalani saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 menggunakan ujian RT-PCR COVID-19 selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum berlepas.
- vi. Hanya pengembara yang mempunyai keputusan negatif ujian COVID-19 boleh meneruskan penerbangan ke Malaysia.
- vii. Pengembara yang memenuhi kriteria dan ingin menjalani kuarantin di rumah atau tempat kediaman di Malaysia perlu membuat permohonan rasmi dengan menghantar emel kepada Kementerian Kesihatan Malaysia di alamat: [hso@moh.gov.my](mailto:hso@moh.gov.my)
- viii. Sekiranya permohonan diluluskan, pengembara perlu membawa emel kebenaran kuarantin di rumah atau tempat kediaman.
- ix. Pengembara dikehendaki memuat turun dan mengisi deklarasi kesihatan dalam aplikasi MySejahtera.



## **2. Bagaimanakah untuk memohon kebenaran kuarantin di rumah atau tempat kediaman?**


- Pengembara perlu membuat permohonan rasmi untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman dengan menghantar emel kepada Kementerian Kesihatan Malaysia di alamat: [hso@moh.gov.my](mailto:hso@moh.gov.my)

## **3. Apakah kriteria-kriteria yang akan dipertimbangkan untuk permohonan pengecualian kuarantin di pusat kuarantin?**

- i. Pengembara warganegara dan bukan warganegara yang mempunyai rumah atau tempat kediaman di Malaysia (termasuk PR, *Malaysia as My Second Home resident — MM2H* dan pekerja).
- ii. Negatif dalam ujian saringan pengesanan jangkitan COVID-19, RT- PCR
- iii. Pengembara yang telah menerima imunisasi lengkap COVID-19
  - Dua (2) dos lengkap vaksinasi iaitu lebih daripada 14 hari selepas tarikh dos kedua
  - Satu dos vaksin iaitu lebih daripada 28 hari dari tarikh suntikan vaksin

Rumah atau tempat kediaman adalah bersesuaian berdasarkan penilaian risiko. Penilaian kesesuaian rumah atau tempat kediaman adalah berdasarkan perkara berikut:

- Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman
- Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman berusia >60 tahun (warga emas)
- Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman berumur 12 tahun ke bawah
- Bilangan ahli rumah atau tempat kediaman yang mempunyai penyakit kronik
- Bilangan ibu mengandung
- Bilangan bilik dalam rumah atau tempat kediaman
- Bilangan bilik mandi/tandas
- Bilangan bilik yang bersambung dengan bilik mandi/tandas (*attached bathroom*)



#### **4. Apa yang perlu dilakukan oleh pengembara semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)?**

- i. Pengembara dikehendaki mengimbas QR Code “Pengembara dari Luar Negara” dengan menggunakan aplikasi MySejahtera.
- ii. Semua pengembara perlu menjalani penilaian kesihatan dan saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19, RT-PCR. Fi ujian ditanggung oleh pengembara.

#### **5. Sekiranya pengembara tidak bergejala, perlukah mereka menjalani ujian pengesanan COVID-19?**

- Ya. Pengembara yang tiada gejala perlu mengambil ujian pengesanan jangkitan COVID-19, RT-PCR semasa ketibaan di PMA.

#### **6. Apakah prosedur bagi pengembara yang mempunyai gejala setibanya di PMA?**

- i. Bagi pengembara yang bergejala ringan dikehendaki menjalani ujian saringan pengesanan jangkitan COVID-19, RTK Antigen atau RT-PCR. Sekiranya ujian RTK-Antigen positif, buffer solution dihantar ke makmal untuk ujian PCR. Pengembara ini dibenarkan untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman. Tindakan selanjutnya bergantung kepada keputusan ujian.
- ii. Manakala, pengembara yang mengalami gejala sederhana / teruk dirujuk kepada Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit. Tindakan selanjutnya adalah berdasarkan kepada penilaian kesihatan dan keputusan pakar

#### **7. Bagaimanakah dengan pembayaran fi saringan COVID-19 semasa ketibaan di PMA?**

- Fi ujian saringan COVID-19 perlu ditanggung sepenuhnya oleh pengembara.



**8. Di manakah pengembara akan dikuarantin sekiranya permohonan untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman tidak diluluskan?**

- Pengembara warganegara dan bukan warganegara yang tidak memenuhi syarat dan kelayakan perlu menjalani kuarantin wajib di stesen kuarantin yang diwartakan oleh kerajaan.

**9. Sekiranya pengembara telah membuat pembayaran kuarantin di MySafeTravel dan telah mendapat kebenaran untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman, adakah dibenarkan memohon untuk bayaran balik?**

- Sekiranya pengembara telah membuat pembayaran melalui MySafeTravel dan tidak menjalani kuarantin di pusat kuarantin, permohonan bayaran balik boleh dikemukakan kepada [refundcovid@moh.gov.my](mailto:refundcovid@moh.gov.my).

**10. Berapa lama tempoh kuarantin wajib bagi pengembara dari luar negara?**

- Tempoh kuarantin wajib bagi pengembara dari semua negara adalah 14 hari. Namun begitu, tempoh kuarantin 14 hari ini akan dilanjutkan selama 7 hari lagi (menjadikan jumlah kuarantin 21 hari) sekiranya terdapat keperluan berdasarkan hasil penilaian risiko terhadap pengembara tersebut yang dijalankan pada hari ke-14. Kuarantin tambahan ini akan dilaksanakan di tempat kediaman, rumah atau stesen kuarantin yang sama.



**11. Sekiranya pengembara yang tiba dari luar negara dan singgah (transit) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), adakah dibenarkan meneruskan penerbangan atau perjalanan ke negeri-negeri lain di Malaysia?**

- Pengembara yang tiba dari luar negara dan singgah (transit) di KLIA dibenarkan meneruskan penerbangan atau perjalanan ke negeri-negeri lain di Malaysia kecuali pengembara yang bergejala, dikesan positif COVID-19 atau kontak rapat kepada kes positif.
- Untuk kemasukan ke Sabah, Sarawak dan Labuan, sila rujuk prosedur terkini Kerajaan Negeri masing-masing.

**12. Bagaimana pula dengan pengembara yang tiba dari luar negara dan singgah (transit) di KLIA serta tidak mempunyai keputusan ujian pengesanan COVID-19 yang diperlukan untuk meneruskan perjalanan ke negara destinasi antarabangsa yang lain?**

- Tidak dibenarkan untuk menjalani ujian RT-PCR COVID-19 di KLIA. Keputusan ini dibuat berdasarkan situasi pandemik COVID-19 semasa negara ini dan kapasiti Pusat Rawatan COVID-19 Risiko Rendah (PKRC), hospital kerajaan serta swasta untuk merawat kes COVID-19 adalah terhad.

**13. Apakah prosedur bagi pengembara yang diberikan Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order*)?**

- i. Pengembara akan diberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order* — HSO) secara digital dan dipasang dengan gelang tangan pengawasan (*wristband*) atau peranti gelang pengawasan (*digital tracker*) di PMA. Pengembara ini akan dinamakan sebagai *Person Under Surveillance* (PUS).



- ii. PUS dikehendaki membuat penilaian kendiri setiap hari melalui *Home Assessment Tool* (HAT) dalam aplikasi MySejahtera dan diteruskan sehingga 14 hari dari tarikh ketibaan (atau 21 hari bagi yang dilanjutkan tempoh kuarantin selepas penilaian risiko).
- iii. Ujian ulangan saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19, RT-PCR COVID-19 dilakukan pada hari ke-10 atau hari ke-18 (bagi pengembara yang perlu menjalani kuarantin selama 21 hari).
- iv. Jika keputusan ini adalah negatif, Pelepasan Perintah Pengawasan & Pemerhatian (*Release Order* - RO) akan dipaparkan dalam aplikasi MySejahtera pada hari ke-14.
- v. Sekiranya PUS memerlukan sesalinan (*hard copy*) RO, boleh dipohon daripada Pejabat Kesihatan berhampiran. Gelang pengawasan dipotong di Pejabat Kesihatan berhampiran.

#### **14. Apa yang perlu dilakukan sekiranya PUS mengalami gejala dalam tempoh kuarantin?**

- PUS dikehendaki datang ke fasiliti kesihatan berhampiran untuk penilaian status kesihatan seperti yang termaktub dalam garis panduan sedia ada (rujuk Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No. 5/2020 (kemaskini pada 5 Ogos 2021)).
- PUS yang mengalami gejala sederhana / teruk akan dirujuk kepada Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit untuk tindakan selanjutnya. Pengembara yang bergejala ringan perlu menjalani ujian RT-PCR. Sekiranya positif, PUS dirujuk ke Hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Risiko Rendah (PKRC) atau COVID-19 Assessment Centre (CAC). Fi ujian COVID-19 ditanggung oleh PUS.



## NASIHAT UMUM SEMASA KUARANTIN DI RUMAH ATAU TEMPAT KEDIAMAN

- i. Memakai pelitup muka sepanjang perjalanan dari Pintu Masuk Antarabangsa ke rumah atau tempat kediaman.
- ii. Kuarantin dalam bilik yang berasingan daripada ahli keluarga.
- iii. Bilik mempunyai tandas bersambung (*attached bathroom*).
- iv. Pakai pelitup muka sekiranya perlu keluar dari bilik dalam rumah atau tempat kediaman dan elakkan bergaul rapat dengan orang lain. Hadkan jarak anda dengan mereka yang sihat sekurang-kurangnya dua (2) meter.
- v. Pastikan pengudaraan rumah atau tempat kediaman dalam keadaan baik seperti membuka tingkap.
- vi. Makanan hendaklah dihantar ke bilik oleh ahli keluarga (hanya diletakkan di luar bilik)
- vii. Gelang pengawasan hendaklah dipakai sepanjang masa perintah pengawasan dan pemerhatian.
- viii. Perlu sentiasa boleh dihubungi.
- ix. Hendaklah berada di rumah atau tempat kediaman sepanjang tempoh pengawasan dan pemerhatian ini.
- x. Sekiranya anda bergejala, sentiasa pakai pelitup muka. Tutup mulut dan hidung anda menggunakan tisu apabila batuk dan bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan cuci tangan serta-merta dengan sabun atau *hand sanitiser*. Dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran untuk penilaian kesihatan.





Disediakan oleh:  
Pasukan Komunikasi Risiko  
CPRC Kebangsaan  
29 Ogos 2021